

KERTAS 1: Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Sebuah _____ desa akan dibina di kampung itu bagi memudahkan penduduk untuk membaca dan mencari bahan rujukan.
 A klinik C stadium
 B studio D perpustakaan
- 2 Jika kita tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh, kita akan _____ untuk mencapai kejayaan.
 A jelas C mudah
 B sukar D hampir

B. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 1 I Ubat itu terasa *pahit* untuk ditelan.
 II Kenangan *pahit* itu sukar dilupakan oleh Puan Zee.
 III Kegagalannya dalam peperiksaan merupakan satu peristiwa *pahit* dalam hidupnya.
 IV Amalan gotong-royong semakin *pahit* untuk diteruskan oleh generasi muda.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja
- 2 I Amsyar menjadi *calon* pasukan bola sepak sekolahnya sejak dua tahun lepas.
 II Firdaus merupakan seorang daripada *calon* yang akan dilantik sebagai ketua pengawas sekolah.
 III *Calon* yang bakal menduduki peperiksaan itu diminta untuk hadir lebih awal.
 IV Sebagai seorang *calon* yang dipilih oleh rakyat, Encik Ismad memperlengkap diri dengan ilmu dan sahsiah yang baik.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

C. Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 1 Fahim berkali-kali menegaskan bahawa bukan dia tetapi Nizam yang melakukan kesalahan itu. Dia turut meminta rakan-rakannya untuk menyiasat perkara sebenar sebelum membuat tuduhan melulu.
 Keadaan ini dikatakan seperti
 A seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit.
 B sepandai-pandai tupai melompat, sekali terjatuh juga.
 C gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah.
 D orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getahnya.

 Ingat

- Kata nama am bermula dengan huruf kecil kecuali jika terletak di awal ayat.
- Kata nama khas **WAJIB** bermula dengan huruf besar pada pangkal perkataannya.
- Kata adjektif merupakan jenis kata yang digunakan untuk memberikan deskripsi atau sifat kepada benda, orang, atau konsep lain dalam sesuatu ayat.
- Peribahasa ialah bidalan, pepatah, ayat, atau kelompok kata yang tetap susunannya dan mempunyai maksud tertentu.
- Peribahasa berfungsi untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran, atau ingatan secara kiasan atau sindiran.